



IMEJ yang diambil daripada rakaman video memaparkan dua daripada tiga gadis yang membawa anjing ketika bersiar-siar menjadi tular di laman sosial sejak semalam.

Tular bawa anjing

KUALA LUMPUR - Kecoh apabila satu rakaman video yang memaparkan gadis beragama Islam membawa anjing bersiar-siar menjadi tular di laman-laman sosial sejak semalam.

Video berdurasi 34 saat itu memaparkan tiga gadis bertudung yang dipercayai pelajar jurusan veterinar di salah sebuah institut pengajian tinggi membawa tiga ekor anjing berjalan-jalan di kawasan dipercayai di Kelana Jaya, Petaling Jaya sambil memakai but getah dan bukannya berjoging seperti didakwa netizen.

Pusat pengajian yang menawarkan pengajian veterinar terdekat ialah Universiti Putra Malaysia di Serdang, Selangor. Terdapat juga sebuah klinik veterinar di Kelana Jaya.

Seorang pengguna Facebook yang menggunakan nama Zamri Abdul Rahman menerusi komennya bagaimanapun mendakwa: "Itu merupakan pelajar veterinar. Islam mengajar untuk kita berbaik sangka dan jangan sesekali mudah untuk buruk sangka terhadap apa yang dilihat."

Hazel Sunday menerusi komennya pula berkata, pusat veterinar mahupun pihak berkuasa tempatan sepatutnya memberikan pas dan baju khas bagi pelajar-pelajar berkenaan bagi menandakan mereka sedang mengikuti latihan veterinar yang ditetapkan.

Tambahnya, dengan kaedah tersebut, ia bukan sahaja memudahkan semua pihak untuk bersangka baik malah orang ramai juga boleh membantu mereka jika kemungkinan berlakunya sebarang kesukaran dan bahaya seperti anjing-anjing tersebut mengganas secara tiba-tiba.

Setakat 10 malam semalam, video tersebut telah dilihat lebih daripada 15,000 kali.